

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 31 JULAI 2014 (KHAMIS)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Rain provides brief respite	The Star
2	40 BioNexus Bumiputera	Harian Metro
3	Wujudkan portal harta intelek	Utusan Malaysia

# Rain provides brief respite

MMD: Wet conditions not expected to last beyond end of next week

**PETALING JAYA:** Just when it was going to get worse, it got better. Malaysians in the central and southern peninsula can expect a short respite from the dry, hazy conditions.

According to the Malaysian Meteorological Department (MMD), it has also been raining over central Sumatra, where the haze hotspots are concentrated, thus reducing the number of fires in the area.

"Hazy conditions are slowly beginning to improve, thanks to the rain pouring over both peninsular Malaysia and central Sumatra since Monday.

"At the moment, southwesterly winds are weak with a speed of about 10kph, allowing for rain in some parts of the peninsula," he said.

However, the rain was not expected to last beyond the end of next week, as the southwesterly winds may become stronger after that, blowing at speeds of about 30kph.

"It is possible that the rains will slow towards the end of next week, leaving the country with the dry season that is expected to last until September. The winds may become stronger after next week, especially if the tropical storm east of Philippines intensifies, as the storm will absorb the moisture around it."

A check with the Asean Specialised Meteorological Centre (ASMC)

revealed there were no hotspots in Malaysia, a marked improvement from the seven hotspots found on Monday.

However, Sumatra still had 98 hotspot counts, while Kalimantan had 59.

For the haze to clear within the end of next week, the official said it was dependent on whether there would be enough rain at the hotspots.


"If it rains at the hotspots, this will help reduce the number of open burning incidents that contribute to the haze. If not, the southwesterly winds will pick up the smoke from the hotspots and blow it towards the peninsula, causing the haze to thicken."

Indonesia's disaster agency had warned last month that Malaysia and Singapore could be badly hit by haze again after a large number of forest fires in the Riau province, which was at the centre of an air pollution crisis last year.

The rain was also welcomed by people over social media.

Joylynn @tjoylynn tweeted: "i can see clearly now that the haze is gone. was beginning to wonder if i need glasses haha Praise God Maker of all, even the rain and wind."

Lynn Zulkarim @LynnZulkarim said: "Super heavy rain in JB Alhamdulillah. Hoping for one in KL too to clear the haze and heat!"



**A welcome sight:** The photo above showing hazy conditions in the Kuala Lumpur city centre while the photo below shows a clearer view after the rain. — Bernama

# 40 BioNexus Bumiputera

■ Biotechcorp sasar penambahan menjelang akhir tahun ini

Oleh Hafiz Ithnin  
hafizithnin@mediapri-  
ma.com.my  
Kuala Lumpur

**M**alaysia Biotechnology Corporation Sdn Bhd (Biotechcorp) berhasrat untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pelaburan dan peluang perniagaan industri bioteknologi terutama produk makanan tambahan yang kini mempunyai nilai pasaran global mencecah kira-kira RM954 bilion.

Peningkatan itu adalah menerusi perkembangan jumlah Bumiputera yang kini mencatatkan 70 syarikat daripada 235 syarikat berstatus BioNexus.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal (*gambar*) berkata, pihaknya menyasarkan penambahan 40 syarikat baru Bumiputera berstatus Bio-

Nexus menjelang akhir tahun ini sekali gus dapat merancakkan industri berkenaan.

Beliau berkata, sekiranya jumlah berkenaan dapat dicapai, ia turut membantu Biotechcorp mencatatkan peningkatan dua angka sekurang-kurangnya 10 peratus dalam tarikan keseluruhan pelaburan berbanding RM2.5 bilion tahun lalu.

"Golongan Bumiputera mampu mencuri bidang perniagaan dan pelaburan dalam industri bioteknologi terutama dalam sektor kesihatan memandangkan ia mempunyai pasaran yang luas untuk diterokai dan mendapat sambutan pengguna global.

"Kerjasama erat antara pihak kami dan Halal Industry Development Corporation

Sdn Bhd (HDC) membolehkan mereka memperluaskan produk dalam sektor halal. Ini bermakna golongan peniaga Bumiputera bukan saja dapat menerokai pasaran bioteknologi malah ke pasaran halal," katanya kepada Bisnes Metro.

Status BioNexus diberikan kepada syarikat yang layak bagi menjalankan aktiviti bioteknologi nilai tambah dan sains hayat di Malaysia. Pemberian itu termasuk insentif fiskal, geran dan jaminan lain bagi membantu pertumbuhan.

Setakat Mei lalu, terdapat 232 syarikat berstatus BioNexus yang menjana perolehan RM2.3 bilion dengan sasaran 30 syarikat baru menerima status berkenaan tahun ini, sekali gus dapat



mencapai unjuran perolehan RM50 bilion menjelang 2017.

Nazlee berkata, prestasi syarikat BioNexus Bumiputera sedia ada juga dapat dilihat apabila hampir separuh daripada 70 syarikat berkenaan sudah memasarkan produk ke pasaran asing.

Katanya, potensi pasaran bioteknologi dan halal kini semakin mendapat permintaan tinggi dan langkahnya bagi melahirkan usahawan di kalangan graduan Bumiputera memudahkan industri membentuk komuniti muda untuk masa depan.

"Bagi melahirkan usahawan muda, kita memberi bimbingan kepada graduan menerusi program mentoring yang dikendalikan oleh syarikat BioNexus sedia ada memberi bimbingan cara terbaik untuk memulakan perniagaan serta mengakses pasaran," katanya.

## FAKTA

Status BioNexus diberikan kepada syarikat yang layak bagi menjalankan aktiviti bioteknologi nilai tambah dan sains hayat

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 17**  
**TARIKH: 31 JULAI 2014 (KHAMIS)**

## Wujudkan portal harta intelektual

KUALA LUMPUR 30 Julai  
- Pewujudan sebuah portal harta intelektual (IP) dalam talian akan dapat mencetuskan kesedaran yang lebih tinggi dan perangkaian yang lebih baik dalam kalangan syarikat-syarikat teknologi yang menggunakan IP sebagai kolateral.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Debt Ventures Bhd. (MDV), Datuk Md. Zubir An-sori Yahaya berkata, portal yang dilancarkan sebagai *IP Online Portal* itu akan membolehkan syarikat mendaftar dan menyenaraikan IP masing-masing untuk dilihat oleh orang ramai.

"Sekarang adalah masa terbaik untuk kita mempunyai sebuah portal kerana ia berkait dengan semua inisiatif kerajaan yang lain dalam membawa teknologi ke barisan hadapan," katanya di sini hari ini.

- BERNAMA